

**Agenda Tranformasi Negara Memerlukan Sokongan Padu Semua Pihak - Najib Bernama**  
**13 Oktober, 2012**

KUALA LUMPUR, 13 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata agenda transformasi negara, termasuk matlamat untuk mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2020, memerlukan sokongan padu semua pihak.

"Kita perlu sokongan padu untuk dapat mandat yang kuat kerana kita ada agenda yang cukup indah untuk negara ini, ini bukan mimpi-mimpi yang tidak berpijak pada bumi yang nyata," katanya semasa merasmikan Persidangan Perwakilan Kongres India Muslim Malaysia (Kimma) ke-36 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Beliau berkata untuk itu, Kimma yang merupakan rakan akrab dan setia BN sejak kongres itu ditubuhkan 36 tahun lepas perlu terus memberi sokongan padunya kepada kerajaan BN.

Najib, yang juga Pengerusi BN dan Presiden Umno berkata kesetiaan Kimma kepada kerajaan tidak dapat dinafikan, malah "Kimma akan terus merupaka satu tenaga yang kuat dalam landskap politik tanah air ini."

"Kimma akan terus merupakan rakan setia, rakan komited kepada BN," katanya mengenai ahli gabungan Umno sejak Ogos, 2010.

Najib juga turut memuji pencapaian masyarakat India Muslim dalam mengendalikan lebih 120 jenis perniagaan, terutamanya dalam bidang pertukaran wang asing dan restoran.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=701709>